

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

EMU 410 - Jurutera Dalam Masyarakat II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dan LIMA (5) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan: DUA (2) soalan dari bahagian A dan DUA (2) soalan dari bahagian B termasuk soalan nombor 5 iaitu soalan wajib.

Akta Kontrak 1950 akan disediakan.

Jawapan untuk setiap bahagian hendaklah diikatkan di dalam dua buku jawapan yang berasingan.

Semua soalan mestilah dijawab dalam bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. Di Malaysia terdapat beberapa sumber undang-undang bertulis dan tidak bertulis. Terangkan sumber-sumber berkenaan dan pemakaianya di negara ini.

(100 markah)

2. Agen hanya boleh melakukan apa yang diarahkan oleh prinsipalnya. Sekiranya ia bertindak sebaliknya, ia akan dipertanggungjawabkan ke atas tindakannya itu. Bincangkan.

(100 markah)

3. Terangkan sama ada A berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas B dalam situasi berikut:

- [a] B menawarkan raket badminton kepunyaannya kepada A dengan harga \$200.00. A bersetuju membelinya asalkan B bersedia menggantikan tali raket itu terlebih dahulu. B telah menggantikan tali raketnya tetapi bertukar fikiran tidak mahu menjualkannya kepada A.

(30 markah)

- [b] B bersetuju menjualkan kereta antiknya kepada A dengan harga \$50,000.00 dan memberi tempoh kepada A membuat bayaran sepenuhnya pada cukup bulan nanti. A bersetuju dengan syarat tersebut. Bagaimanapun sehari sebelum cukup bulan, B telah menaikkan harga keretanya kepada \$60,000.00 kerana memandangkan harga kereta di pasaran telah meningkat. A tidak bersetuju dengan harga baru itu tetapi teringin sangat memiliki kereta B.

(40 markah)

- [c] A menjualkan tanahnya kepada B, iaitu ketua di pejabat dimana A bekerja, setelah B membayangkan akan menaikkan pangkat A kelak. Tetapi setelah perjanjian jual beli tanah selesai, B mungkir janji. A ingin membatalkan perjanjian jual beli itu.

(30 markah)
..3/-

4. Surat khabar "Berita Karut" telah menyiarakan cerita seorang guru besar bernama Makan Besar yang menggelapkan wang sekolah. Cerita tersebut telah dibaca oleh seorang guru besar sekolah di Batu Gajah, Perak yang kebetulannya dikenali dengan nama "Makan Besar". Beliau merasakan dirinya telah difitnah dan ingin mengambil tindakan undang-undang terhadap akhbar berkenaan. Apakah dalehan-dalehan yang boleh digunakan oleh surat khabar "Berita Karut" itu?

(100 markah)

BAHAGIAN B

5. Ali telah memulakan sebuah perniagaan pada 1 Januari 1992. Pada 31 Januari 1992 rekod-rekod perakaunan telah menunjukkan urusniaga-urusniaga berikut:

- [i] Ali memasukkan wang sebagai modal sebanyak \$15,000.00
- [ii] Perniagaan telah mengutip hasil sebanyak \$3,000.00
- [iii] Perniagaan telah membayar perbelanjaan sebanyak \$2,000.00

Dikehendaki:

- [a] [i] Buat catatan jurnal untuk merekod urusniaga-urusniaga di atas.
- [ii] Pindah catat catatan dalam [i] di atas ke akaun-akaun lejer.
- [iii] Sediakan imbalan duga untuk perniagaan seperti pada 31 Januari 1992.
- [iv] Sediakan penyata untung rugi bagi perniagaan.
- [v] Sediakan kunci kira-kira perniagaan seperti pada 31 Januari 1992.

(82 markah)

- [b] Kunci kira-kira syarikat antara lain menunjukkan aset-aset yang dimiliki oleh syarikat. Aset-aset mungkin ditunjukkan pada kos, atau nilai buku atau nilai pasaran.

..4/-

- [i] Jelaskan perbezaan antara aset semasa dengan aset tetap
- [ii] Huraikan maksud nilai buku
- [iii] Jelaskan maksud inventori.

(18 markah)

6. Berikut adalah item-item yang dipetik dari laporan tahunan yang diedarkan oleh Syarikat Gundal Bhd untuk tahun 1992.

[i]	Modal saham	250,000
[ii]	Aset semasa	150,000
iii]	Liabiliti semasa	85,000
[iv]	Jualan	220,000
[v]	Jumlah aset	700,000
[vi]	Rezab	250,000
[vii]	Dividen	39,000
[viii]	Pendapatan	45,000

Dikehendaki:

- [a] Bagi tiap-tiap item di atas nyatakan sama ada ia menunjukkan prestasi syarikat (PS) atau kedudukan kewangan syarikat (KKS). Jawapan mestilah dalam bentuk seperti berikut:

Contoh:	<u>Item</u>	<u>Maklumat</u>
	x	kks
	y	ps

(32 markah)

- [b] Kirakan nilai-nilai yang berikut dari item-item yang diberi dalam soalan di atas:

- [i] % dividen atas ekuiti pemilik
(Andaikan tidak ada lagi item ekuiti pemilik selain dari yang diberikan)
- [ii] Kadar pulangan atas aset
- [iii] Nisbah semasa
- [iv] Jumlah liabiliti jangka panjang
- [v] Nisbah hutang kepada Ekuiti

(40 markah)

..5/-

- [c] Jelaskan tiga sumber dari mana Syarikat Gundal mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti-aktivitinya. Nyatakan kebaikan dan kelemahan tiap-tiap sumber tersebut.

(28 markah)

7. Berikut adalah beberapa nisbah yang telah dikira dari pernyata-pernyata kewangan yang terkandung dalam laporan tahunan Syarikat Bersatu Bhd dan Syarikat Berpecah Bhd. bertarikh 31 Disember 1991. Kedua-dua syarikat menjalankan aktiviti melombong bijih di Perak.

	Syarikat <u>Bersatu</u>	Syarikat <u>Berpecah</u>
Perolehan sesaham	20 sen	15 sen
Nisbah semasa	2.1	1.5
Nisbah untung bersih atas jualan	10%	20%
Nisbah hutang jangka panjang atas Ekuiti pemilik	28%	5%
Nisbah cepat	1.0	1.3
Pusing ganti aset	4 kali	2 kali
Pulangan atas pelaburan	40%	40%

Dikehendaki:

- [a] Tunjukkan formula bagi mengira tiap-tiap nisbah/nilai tersebut di atas.

(28 markah)

- [b] Kelaskan nisbah-nisbah/nilai-nilai di atas dibawah tajuk:

- [i] Maklumat kecairan
- [ii] Maklumat keberuntungan
- [iii] Maklumat penggearan

(28 markah)

- [c] Bandingkan kedua-dua syarikat dari segi kecairan, keberuntungan dan tahap risiko dengan merujuk kepada nisbah-nisbah yang diberi.

(44 markah)

0000000